



SIARAN MEDIA
PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADHAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA
DAN SUKAN TAHUN 1439H/2018 BAGI DAERAH BRUNEI MUARA

Bandar Seri Begawan, Khamis 24 Mei 2018 –Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Program Kembara Amal Ramadhan bagi Daerah Brunei Muara hari ini untuk menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas kepada 6 buah keluarga yang terdiri daripada golongan susah dibawah senarai Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang termasuk penerima bantuan kebajikan bulanan, anak yatim, warga emas dan orang kelainan upaya.

Program ini merupakan program tahunan KKBS sebagai inisiatif *outreach* ke seluruh daerah untuk menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan bagi membantu dan meringankan beban orang-orang susah selain memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriang dan kesyukuran.

Program ini diketuai oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut serta dalam rombongan ini ialah Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Rombongan ke rumah pertama adalah di Kampung Sungai Besar, kemudian beredar ke Kampung Pengkalan Sibabau, Mentiri, dan seterusnya dilanjutkan ke, Kampung Serasa, Perumahan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Tanah Jambu dan Kampung Perpindahan Jaya Setia Berakas.

##Tamat##

Dikeluarkan Oleh:
Unit Perhubungan Awam
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 08 Ramadhan 1439 / 24 Mei 2018